

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

LZS nafi tidak beri keutamaan kepada farmasi Muslim

SHAH ALAM – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menafikan dakwaan tidak memberi keutamaan kepada farmasi Muslim dalam pelantikan farmasi panel bagi program bantuan perubatan asnaf di negeri ini.

Ketua Pegawai Operasinya, Ahmad Fadhil Hassan berkata, dakwaan itu tidak berasas kerana tawaran pelantikan farmasi atau syarikat pembekalan perubatan terbuka kepada semua pihak yang memenuhi syarat ditetapkan.

Jelas beliau, syarat kelayakan utama perlu dipenuhi farmasi panel termasuk memiliki semua lesen operasi dan kebenaran yang diperlukan di bawah Akta Lesen Racun 1952 oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Antara lesen yang diperlukan iaitu lesen farmasi, lesen ahli farmasi, lesen SSM (Surubanjaya Syarikat Malaysia) dan lesen jenis A.

"LZS amat mengutamakan kepentingan asnaf dan sentiasa

berusaha mencari kaedah terbaik bagi memudahkan urusan penerima terutama melibatkan bekalan keperluan perubatan," katanya di sini semalam.

Menurut Ahmad Fadhil, pihaknya tahun ini julung kali melaksanakan pelantikan panel bagi farmasi syarikat pembekalan perubatan.

"Ini bagi memudahkan asnaf mendapatkan bekalan perubatan mengikut lokaliti kawasan masing-masing dan langkah

kawalan dalam penyaluran bantuan oleh panel yang dilantik.

"Selain itu, ia proses 'due diligence' (usaha wajar) di peringkat LZS bagi memastikan panel dilantik adalah pemegang lesen berdaftar dengan KKM," ujarnya.

Tambah beliau, LZS akan melakukan pemantauan berterusan mengenai panel farmasi yang dilantik dan akan membuat semakan semula ke atas prestasi perkhidmatan sepanjang tempoh pelantikan bagi memastikan

syarikat pembekalan perubatan memberikan perkhidmatan terbaik kepada asnaf.

"Penawaran menjadi panel farmasi syarikat pembekalan perubatan ini terbuka dan pihak yang berminat boleh berhubung secara terus dengan LZS.

"Kami akan memastikan kelulusan dalam pengurusan panel farmasi ini dan paling penting keperluan bantuan perubatan kepada asnaf disantuni sebaik mungkin," tambahnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DUNIA



LARANGAN penggunaan rokok elektronik dijangka berkuat kuasa menjelang akhir tahun ini atau awal 2025.
-ANADOLU

Britain haramkan vape akhir 2024

LONDON - Penggunaan rokok elektronik pakai buang termasuk vape akan diharamkan di Britain menjelang akhir tahun ini di bawah pelan yang bakal diumumkan oleh Perdana Menteri, Rishi Sunak, lapor akhbar *Metro UK* kelmarin.

Kerajaan Britain, Scotland dan Wales sepakat mahu memperkenalkan undang-undang mengharamkan produk tersebut kerana kesan buruk pada alam sekitar di samping risiko kesihatan terhadap kanak-kanak.

"Seperti diketahui oleh guru dan ibu bapa, satu daripada sebilangan trend yang membingungkan ketika ini adalah

peningkatan bilangan perokok elektronik dalam kalangan kanak-kanak. Kita perlu bertindak sebelum ia menjadi endemik.

"Kesan jangka panjang rokok elektronik tidak diketahui, manakala kandungan nikotin di dalamnya boleh menyebabkan ketagihan serius.

"Walaupun rokok elektronik boleh menjadi alat berguna untuk membantu perokok berhenti merokok, pemasarannya kepada kanak-kanak tidak boleh diterima," kata Sunak.

Cadangan itu dijangka mula berkuat kuasa menjelang hujung tahun ini atau awal 2025.

Menurut data kerajaan, bilan-

gan kanak-kanak Britain yang menggunakan rokok elektronik meningkat tiga kali ganda sepanjang tiga tahun lepas. Sebanyak sembilan peratus daripada kanak-kanak berusia 11 hingga 15 tahun didapati menghisap rokok elektronik.

Selain melarang rokok elektronik pakai buang, Sunak turut berjanji untuk menguatkuasakan undang-undang menyekat perisa tertentu yang mungkin menarik minat kanak-kanak.

Cadangan tersebut termasuk memperkenalkan pembungkusan biasa dan mengubah cara produk tersebut dipamerkan di kedai. -AGENSI